



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN AHAD, 9 FEBRUARI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



9/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	PSSS PLATFORM BANTUAN, SOKONGAN TANPA STIGMA - NANCY		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/02/1359029/psss-platform-bantuan-sokongan-tanpa-stigma-nancy	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/psss-platform-bantuan-sokongan-tanpa-stigma-nancy-507855	ASTROAWANI.COM	
	https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2390714	BERNAMA.COM	
	https://www.theborneopost.com/2025/02/08/national-welfare-foundations-role-in-assisting-govt-vital-for-strengthening-social-support-services-says-nancy/	THEBORNEOPOST.COM	
	https://www.bernama.com/bm/news.php/am/news.php?id=2390713	BERNAMA.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/02/08/psss-platform-bantuan-sokongan-tanpa-stigma-nancy/	TVSARAWAK.MY	
	https://thesun.my/malaysia-news/psss-a-platform-to-seek-help-and-support-without-stigma-nancy-AA13647421	THESUN.MY	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/02/08/ykn-menerusi-inisiatif-psss-bantu-kerajaan-sampaikan-perkhidmatan-sokongan-sosial-nancy	UTUSANBORNEO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	MALAYSIA ANTARA PENERAJU INDUSTRI PENJAGAAN, PERKUKUH PERANAN KEPENGERUSIAN ASEAN 2025		POSITIF
	https://www.tvsarawak.my/2025/02/08/malaysia-antara-peneraju-industri-penjagaan-perkukuh-peranan-kepengurusan-asean-2025/	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	STRONGER LEGAL PROTECTION NEEDED FOR THE AGED, SAYS PENANG CM		POSITIF
	https://www.thevibes.com/articles/news/104802/stronger-legal-protection-needed-for-the-aged-says-penang-cm	THEVIBES.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



9/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	ROSEY HARGAI INISIATIF TVS PRIHATIN, JKR SARAWAK DAN MYDIN SALUR BANTUAN DI PPS SMK SUAI		POSITIF
	https://www.tvsarawak.my/2025/02/08/rosey-hargai-inisiatif-tvs-prihatin-jkr-sarawak-dan-mydin-salur-bantuan-di-pps-smk-suai/	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	SELANGOR SERAH BANTUAN SEKOLAH KEPADA KANAK-KANAK GISBH		POSITIF
	https://www.utusan.com.my/berita/2025/02/selangor-serah-bantuan-sekolah-kepada-kanak-kanak-gisbh/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1185297/200-anak-bekas-pengikut-gisbh-akan-masuk-sekolah-kerajaan	HMETRO.COM.MY	
	https://selangorkini.my/2025/02/anak-anak-gisbh-dihantar-ke-sekolah-exco-seru-sokongan-masyarakat/	SELANGORKINI.MY	
	https://berita.mediacorp.sg/dunia/200-kanak-kanak-gisbh-dibantu-daftar-ke-sekolah-912976	BERITA.MEDIACORP.SG	
	https://thesun.my/malaysia-news/200-gisbh-children-to-begin-schooling-in-upcoming-term-LA13646814	THESUN.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/02/1172281/200-children-rescued-gisb-welfare-homes-enrol-national-schools	NST.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2390650	BERNAMA.COM	
	https://selangorjournal.my/2025/02/gisbh-kids-sent-to-school-as-exco-urges-society-to-support-them/	SELANGORJOURNAL.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/02/08/gisb-200-children-to-begin-schooling-in-upcoming-term	THESTAR.COM.MY	
	https://www.bernama.com/en/news.php/?id=2390649	BERNAMA.COM	
	https://www.malaysiakini.com/news/733972	MALAYSIAKINI.COM	
	https://selangorjournal.my/2025/01/state-govt-ready-to-provide-schooling-aid-to-gisbh-children-exco/	SELANGORJOURNAL.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



9/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	MANGSA BANJIR DI SARAWAK BERKURANGAN, SABAH KEKAL		NEUTRAL
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mangsa-banjir-di-sarawak-berkurangan-sabah-kekal-507856	ASTROAWANI.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	POLIS SIASAT DAKWAAN WANITA DIGANGGU ANGGOTA POLIS		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/02/08/polis-siasat-dakwa-wanita-diganggu-anggota-polis/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2390576	BERNAMA.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/711544/berita/semasa/polis-siasat-dakwa-wanita-jadi-mangsa-gangguan-seksual-di-ipd	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/02/08/cops-to-investigate-woman039s-claim-she-was-sexually-harassed-while-giving-her-statement	THESTAR.COM.MY	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/02/08/kl-cops-confirm-sexual-harassment-report-lodged-against-wangsa-maju-officer-taking-statement-of-rally-participant/165968	MALAYMAIL.COM	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/02/1172080/student-activist-alleges-sexual-harassment-policeman-during-statement	NST.COM.MY	
	https://thesun.my/malaysia-news/police-receive-report-from-woman-claiming-sexual-harassment-DA13646072	THESUN.MY	
	https://bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2390587	BERNAMA.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=ON-XW2sM9sU	YOUTUBE	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/02/1358765/polis-siasat-dakwa-gangguan-seksual-anggota-polis	BHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/02/08/polis-siasat-dakwa-wanita-diganggu-polis-secara-seksual/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.malaysiakini.com/news/733960	MALAYSIAKINI.COM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-siasat-dakwa-wanita-jadi-mangsa-gangguan-seksual-di-ipd-507794	ASTROAWANI.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



9/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	BOMOH CABUL KANAK-KANAK PEREMPUAN DISAMBUNG REMAN 6 HARI		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1185269/bomoh-cabul-kanak-kanak-perempuan-disambung-reman-6-hari	HMETRO.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/02/08/reman-bomoh-muda-disambung-enam-hari/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/711628/berita/semasa/reman-bomoh-disyaki-cabul-kanak-kanak-perempuan-disambung	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/02/08/reman-bomoh-cabul-budak-perempuan-disambung/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



INFORMASI DARI NEGARA LUAR



(Gambar fail) Menteri Komunikasi dan Digital Indonesia, Meutya Hafid. (Kredit: Kementerian Komunikasi dan Digital Indonesia)

Topik: Risiko dalam talian: Indonesia rangka peraturan baharu lindungi kanak-kanak

[\[LINK\]](#)

JAKARTA: Indonesia sedang merangka peraturan baharu bagi melindungi kanak-kanak daripada risiko dalam talian, termasuk menetapkan had umur pengguna platform digital, menurut Kementerian Komunikasi dan Digital negara ini.

Menterinya, Meutya Hafid, berkata langkah itu bertujuan melindungi kanak-kanak daripada kandungan berbahaya seperti keganasan dan pornografi, sekali gus menggalakkan penggunaan teknologi secara selamat serta bertanggungjawab.

"Kanak-kanak terdedah kepada kandungan berisiko seperti keganasan dan pornografi. Kita mesti bertindak segera," katanya dalam satu kenyataan.

Peraturan baharu itu yang dijangka dimuktamadkan dalam tempoh dua bulan, adalah sebahagian daripada usaha Presiden Prabowo Subianto untuk memperkukuhkan perlindungan kanak-kanak di platform digital.

Ketetapan terbabit akan dimasukkan ke dalam draf peraturan kerajaan mengenai perlindungan kanak-kanak untuk tadbir urus digital, malah platform dalam talian bakal diklasifikasi berdasarkan tahap risikonya terhadap golongan itu.

Sebelum ini, Suruhanjaya Perlindungan Kanak-Kanak Indonesia (KPAI) memberi amaran mengenai bahaya dalam talian, termasuk alat perkongsian lokasi dan kandungan yang menipu

"Ada kartun yang kelihatan comel tetapi apabila diklik, rupa-rupanya penuh dengan perangkap! Belum lagi ciri yang membolehkan lokasi kanak-kanak dikesan. Ini sangat berbahaya!" kata Ketua KPAI, Ai Maryati Solihah.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : YKN PERKUKUH KHIDMAT SOKONGAN SOSIAL

HARI : AHAD

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 9 FEB 2025

M/SURAT : 01

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

YKN perkukuh khidmat sokongan sosial

Oleh Jessica Jawing

KUCHING: Peranan dan sokongan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) membantu kerajaan menerusi inisiatif Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) amat penting dalam menyampaikan perkhidmatan sokongan sosial kepada masyarakat setempat.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato Sri Nancy Shukri berkata, PSSS adalah tempat boleh meluahkan masalah dan isu yang dihadapi untuk didengari kaunselor profesional berdaftar.

"Namun peranan dan sokongan YKN membantu kerajaan ini memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak.

"Sokongan daripada syarikat korporat dan organisasi boleh menyokong usaha YKN dalam memperkukuhkan lagi perkhidmatan sokongan sosial ini," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program Jelajah Kasih: Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) dan Penyampaian Sumbangan Kembali ke Sekolah bagi Sesi Persekolahan 2025 di Auditorium Pusat Latihan SALCRA Bajo di Lundu, dekat sini semalam.

Nancy yang juga Ahli Parlimen Santubong berkata, dunia kini yang semakin mencabar dan isu kesihatan mental bukan sahaja dialami orang dewasa, malah dalam kalangan kanak-kanak dan remaja juga membimbangkan.

Katanya, tekanan ini mungkin disebabkan masalah keluarga, pembelajaran atau persekitaran.

"Kadang-kadang bila kita



SUNTIK MOTIVASI: Nancy (kanan) menyerahkan beg sumbangan Kembali ke Sekolah kepada salah seorang murid sekolah sempena Program Jelajah Kasih: Pusat Sokongan Sosial Setempat di Lundu, semalam. — Gambar Penerangan

● Inisiatif PSSS tawar tempat luah masalah, isu untuk didengari kaunselor profesional berdaftar: Nancy

mengalami tekanan, kita tidak tahu di mana hendak mengadu, oleh itu inisiatif PSSS ini adalah salah satu langkah untuk tujuan itu.

"Ia untuk memastikan komuniti kita mempunyai tempat untuk mendapatkan bantuan dan sokongan tanpa stigma," jelasnya.

Beliau berkata, PSSS menjalankan kaunseling untuk individu dan keluarga serta sesi advokasi dan program kesedaran kesejahteraan mental.

Mengenai program Kembali ke Sekolah, Nancy berharap bantuan yang disampaikan itu dapat

menyuntik semangat anak-anak untuk kembali ke sekolah dengan penuh keyakinan apabila sesi persekolahan baharu bermula tidak lama lagi.

"Pendidikan adalah aset yang mampu mengubah bukan sahaja taraf hidup kita sendiri, tetapi juga taraf hidup keluarga kita," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK : 'NATIONAL WELFARE FOUNDATION'S ROLE VITAL IN STRENGTHENING SOCIAL SUPPORT SERVICES'

HARI : AHAD

AKHBAR : THE SUNDAY POST

TARIKH : 9 FEB 2025

M/SURAT : 01

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK



Nancy (right) presents new schoolbags to the pupils during the programme in Lundu. — Information Department photo

'National Welfare Foundation's role vital in strengthening social support services'

KUCHING: The National Welfare Foundation (YKN) plays a crucial role in assisting the government through the One-Stop Social Intervention Centre (PSSS) initiative, ensuring the effective delivery of social support services to the local community, says Datuk Seri Nancy Shukri.

The Women, Family, and Community Development Minister points out that the PSSS serves as a safe space where individuals can openly share their concerns with registered professional counsellors.

"However, YKN's role

and support in assisting the government require cooperation from various parties.

"Support from corporate companies and organisations can further strengthen YKN's efforts in enhancing social support services," she said when met after officiating at the 'Jelajah Kasih: One-Stop Social Intervention Centre' programme and the '2025 Back-to-School Contribution Presentation' at the Sarawak Land Custody and Rehabilitation Authority (Salcra) Bajo Training Centre Auditorium in Lundu, near here yesterday.

The Santubong MP noted that growing challenges in today's world had led to increasing concerns over mental health, affecting not only adults, but also children and teenagers.

She pointed out that these pressures could arise from family problems, academic challenges, or environmental factors.

"Sometimes, when we experience stress, we don't know where to turn. That is why the PSSS initiative is one of the steps taken to address this issue.

"It ensures that our community has a place to seek help and support without

sigma," she said.

According to Nancy, the PSSS provides counselling services for individuals and families, along with advocacy sessions and mental well-being awareness programmes.

On the 'Back-to-School' programme, the federal minister expressed hope that the assistance provided would inspire children to return to school with confidence as the new academic year approaches.

"Education is an asset that can transform not only our own lives but also the lives of our families," she said.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Malaysia terus mengukuhkan kedudukannya sebagai antara peneraju dalam industri penjagaan (caregiver) di ASEAN. Foto fail AFP

Malaysia antara peneraju industri penjagaan, perkukuh peranan Kepengerusan ASEAN 2025

By Muqri Aziz #bm, Berita Sarawak February 8, 2025 8:44 PM

LUNDU, 8 Feb: Malaysia terus mengukuhkan kedudukannya sebagai antara peneraju dalam industri penjagaan (caregiver) di ASEAN, seiring dengan komitmen negara untuk memperkasa sektor ini menjelang status negara menua tahun 2030 dan negara tua pada 2044.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata Malaysia bukan sahaja memperkukuh tenaga kerja dalam sektor penjagaan, tetapi turut menjadi rujukan bagi negara ASEAN lain dalam membangunkan ekosistem penjagaan yang mampan dan berdaya saing.

"Kita antara negara yang terkehadapan dalam melaksanakan program caregivers.

"Kita telah menjalankan latihan khusus untuk mereka, dan delegasi ASEAN akan berpeluang melihat sendiri bagaimana Malaysia menguruskan sektor ini," katanya.



Datuk Seri Nancy Shukri ketika ditemui media.

Belliau berkata demikian ketika ditemui media selepas merasmikan Program Jelajah Kasih Pusat Sokongan Sosial Setempat dan Sumbangan Back To School Sesi Persekolahan 2025 di Pusat Latihan SALCRA Bajo, di sini, hari ini.

Sempena Kepengerusan ASEAN 2025, Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada pelbagai program berkaitan industri penjagaan, yang akan menampilkan keupayaan negara dalam latihan dan pembangunan tenaga kerja penjagaan.

"Kita sudah ada program yang akan dilaksanakan, malah kita telah berbincang dengan pihak Laos dan negara lain.

"Insyaa-Allah, saya mungkin akan ke Pertemuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) terlebih dahulu untuk perbincangan lanjut, bergantung kepada perancangan yang telah dibuat dan akan dipersetujui secara rasmi," ujarnya lagi.

Pada Sidang Kemuncak Pemimpin Wanita ASEAN Ke-3 di Laos tahun lalu, Malaysia telah menyatakan sokongan terhadap Declaration on Strengthening the Care Economy and Resilience Towards the Post-2025 ASEAN Community.

Selain itu, kementeriannya juga sedang merangka Pelan Tindakan Industri Penjagaan Malaysia, dengan sasaran melahirkan 385 pelatih berkemahiran tinggi bagi memperkukuh tenaga kerja dalam sektor ini.

Industri penjagaan bukan sahaja penting untuk kesejahteraan sosial, tetapi juga berpotensi menjadi penyumbang utama kepada ekonomi negara yang membuka lebih banyak peluang pekerjaan dalam bidang penjagaan warga emas, orang kurang upaya (OKU), dan kanak-kanak, kata Nancy. – TVS

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Stronger legal protection needed for the aged, says Penang CM

Chow Kon Yeow said it is a collective duty of families, communities and society as a whole.

Updated 8 hours ago · Published on 08 Feb 2025 2:54PM



He expects the new legislation to provide stronger legal protection and social welfare of the old. - February 8, 2025

PENANG Chief Minister Chow Kon Yeow has underlined the importance for the Madani Federal Unity Government to expedite the review and passage of the Senior Citizens Bill to check the rising cases of abuse and neglect towards the elderly community.

"I am deeply concerned about the rising cases of abuse and neglect towards our elderly, a troubling issue that demands immediate attention," said Chow.

He expects the new legislation to provide stronger legal protection and social welfare of the old.

Chow stressed that the caring of the old is not solely the responsibility of the nursing homes.

"It is a collective duty of families, communities and society as a whole."

Chow said this when speaking at the annual Chinese New Year celebrations at the Silver Jubilee Home for the Old at Sungai Dua here.

The Women, Family, and Community Development Ministry is currently evaluating the feasibility of introducing a law to ensure the welfare and protection of the elderly.

Minister Datuk Seri Nancy Shukri explained that before any such law is implemented, it is essential to gain consensus on its approach, particularly regarding whether punitive measures should be imposed on children who fail to fulfil their responsibility to care for their parents, similar to the approach in Singapore.

Additionally, we must consider whether fostering noble values, responsibility, and other principles within families would create strong family institutions, thus reducing the need for legal enforcement.

This evaluation is part of a study to determine whether a new law should be drafted, or if improvements can be made through amend

Chow said that under his Vision2030 development goals, the family institution is an integral part of it.

"The family is the backbone of every society. Every mindset, culture, tradition and upbringing start from the family. However, as we approach towards 2020, we must ensure that our elderly are not left behind," said Chow.

He wants the values of dedication and compassion to be enshrined in Penang.

Penang will be emulating Perak this year as one of the first states to be regarded as a state with a high number of senior citizens.

The Department of Statistics Malaysia projected that by this year, 7.7% of Penang's population, or 143,805 residents, will be aged 65 and above.

This positions Penang as the second state with the largest elderly population in Malaysia. - February 8, 2025.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Prihatin dan penuh kasih sayang Datuk Rosey Yunus turun padang menyantuni mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) SMK Suai. Foto Alex Teo (TVS)

Rosey hargai inisiatif TVS Prihatin, JKR Sarawak dan Mydin salur bantuan di PPS SMK Suai

By **Connie Grace** #bm, Berita Sarawak February 8, 2025 5:42 PM

BEKENU, 8 Februari: Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak, Datuk Rosey Yunus menzahirkan penghargaan kepada TVS Prihatin dan Jabatan Kerja Raya (JKR) kerana menyalurkan bantuan kepada mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Suai.

Menurut beliau, jumlah mangsa di PPS berkenaan merekodkan penurunan iaitu 116 orang setakat jam 12 tengah hari berbanding lebih 300 orang sebelumnya.

"Sebahagian mangsa telah pulang ke rumah, tetapi ada yang kembali ke pusat pemindahan setelah mendapati paras air kembali meningkat.

"Alhamdulillah, bantuan yang disediakan dapat meringankan beban mangsa-mangsa banjir. Pihak kementerian juga telah menghantar bantuan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), walaupun terdapat kekangan dari segi pembekal (supplier) dan pengangkutan," katanya.

Beliau menjelaskan bahawa penghantaran bantuan dilakukan secara berperingkat, dan meminta mangsa yang masih menunggu bantuan agar bersabar.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bekenu berkata, keadaan banjir menyebabkan bekalan barangan keperluan terputus selama beberapa hari kerana kedai-kedai pembekal di kawasan itu turut terjejas dan terpaksa ditutup akibat dimasuki air.

Selain itu, katanya, laluan pengangkutan juga terjejas akibat jalan-jalan utama yang menghubungkan kawasan terbabit dengan bandar Miri turut dinaiki air.

"Kami menunggu bekalan dari Miri, tetapi pada masa yang sama, semua pihak bertumpu ke sana.

"Ini menyukarkan penghantaran ke kawasan yang terjejas namun, Alhamdulillah dengan bantuan sukarelawan, agensi kerajaan, dan individu yang prihatin, masalah ini dapat diringkaskan walaupun tidak selicik yang kita harapkan," jelasnya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada para sukarelawan yang banyak membantu dalam memastikan kelancaran bantuan kepada mangsa-mangsa banjir.

Pada masa sama, beliau turut mengesahkan bahawa pusat pemindahan masih menerima mangsa yang kembali setelah air di kawasan kediaman mereka naik semula.

"Kita terima lagi mereka sebab kita faham keadaan ini. Jika mereka balik dan hujan turun lagi, kita bimbang keadaan akan menjadi lebih buruk. Jadi, kita masih menerima mereka di PPS ini," katanya.

Beliau berharap keadaan cuaca akan bertambah baik dalam masa terdekat dan menasihatkan penduduk agar terus berwaspada serta mengutamakan keselamatan diri dan keluarga. -TVS

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : 200 KANAK-KANAK GISBH BAKAL BELAJAR DI SEKOLAH KEBANGSAAN

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 9 FEB 2025

M/SURAT : 20

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

200 kanak-kanak GISBH bakal belajar di sekolah kebangsaan

Shah Alam: Sebanyak 200 kanak-kanak yang diselamatkan daripada rumah amal dikaitkan dengan GISBH Holdings Sdn Bhd (GISBH) di Selangor akan mengikuti pendidikan di sekolah kebangsaan buat kali pertama pada sesi persekolahan bermula 17 Februari ini.

Exco Agama Islam dan Pembudayaan Inovasi negeri, Dr Mohammad Fahmi Ngah berkata, proses pendaftaran akan dibuat ibu bapa atau penjaga dengan bon jaminan dan dipantau Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) secara berkala setiap bulan, bagi memastikan kesemua syarat ditetapkan dipatuhi.

"Mereka ini boleh dikatakan bersedia untuk bersekolah selepas Kementerian Pendidikan membuat penilaian meliputi tahap pembelajaran diikuti penilaian akidah oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan juga Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)," katanya selepas majlis penyampaian sum-

barangan persekolahan kepada 200 anak-anak GISBH yang turut dihadiri Pengerusi Mais, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof, semalam.

Selain kit barangan persekolahan termasuk uniform sekolah rendah dan menengah, kanak-kanak itu juga menerima bantuan kewangan RM400 setiap penerima menerusi inisiatif wang saku oleh pihak Mais dan Jais.

Mohammad Fahmi berkata, bagi langkah berikutnya, kerajaan negeri akan membantu 1,000 lagi kanak-kanak GISBH yang telah berdaftar dengan Mais, untuk memasuki sistem persekolahan dalam menjamin masa depan lebih baik kepada mereka.

Dalam pada itu, Abdul Aziz berkata, kesemua kanak-kanak termasuk ibu bapa dan penjaga akan dipantau selama dua tahun, meskipun program rehabilitasi ahli GISBH dikendalikan Majlis Keselamatan Negara (MKN) tamat Selasa lalu. - Bernama



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	200 CHILDREN RESCUED FROM GISB WELFARE HOMES TO GO TO SCHOOL		
HARI :	AHAD	AKHBAR :	NEW SUNDAY TIMES
TARIKH :	9 FEB 2025	M/SURAT :	07
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

REINTEGRATION

200 children rescued from GISB welfare homes to go to school

SHAH ALAM: A total of 200 children rescued from charity homes linked to Global Ikhwan Services and Business Holdings (GISB) in Selangor will be enrolling in national schools for the first time when the new school term begins on Feb 17.

State Islamic Religious Affairs and Innovation Committee chairman Dr Mohammad Fahmi Ngah said their registration would be carried out by parents or guardians and they would be monitored monthly by the Social Welfare Department.

“These children are deemed ready for schooling following assessments by the Education Ministry, as well as evaluations conducted by the Selangor Islamic Religious Council (MAIS) and the Selangor Islamic Religious Department (JAIS).”

He said this yesterday after

handing over schooling aid to the 200 GISB children at an event attended by MAIS chairman Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof.

In addition to school kits, the children also received RM400 each from MAIS and JAIS.

Fahmi added that the state government would assist 1,000 more GISB children registered with MAIS to enter the school system.

Abdul Aziz said the children, along with their parents and guardians, would be under monitoring for two years, even though the National Security Council’s (MKN) rehabilitation programme concluded on Tuesday.

“We hope the community will accept former GISB members who have undergone rehabilitation, particularly the children, so they can integrate into society and lead comfortable lives.”

Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Mangsa banjir di Sarawak berkurangan, Sabah kekal

Bernama

08/02/2025 21:13 MYT



Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah memaklumkan walaupun jumlah mangsa banjir kekal 721 daripada 212 keluarga setakat 8 malam ini. - Gambar fail

KUALA LUMPUR: Jumlah mangsa banjir yang masih berada di pusat pemindahan sementara (PPS) di Sarawak menunjukkan pengurangan manakala Sabah kekal, setakat 8 malam ini.

Di SARAWAK jumlah mangsa banjir berkurangan kepada 3,082 orang berbanding 3,454 orang sebelum ini dengan tiga lagi PPS iaitu SMK Sebauh dan SMK Bekenu di Bahagian Miri serta Kompleks Sukan Kanowit di Bahagian Sibut ditutup menjadikan 16 PPS masih beroperasi setakat ini.

Bintulu mencatatkan penurunan jumlah mangsa kepada 1,775 orang berbanding 1,836 sebelum ini manakala mangsa di Mukah kekal 607 mangsa, menurut Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Sarawak.

Penurunan jumlah mangsa agak ketara di Sibut apabila mangsa di PPS hanya 429 orang berbanding 737 petang tadi manakala di Miri pula berkurangan kepada 271 orang berbanding 274 sebelum ini.

Di SABAH, Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah memaklumkan walaupun jumlah mangsa banjir kekal 721 daripada 212 keluarga setakat 8 malam ini, ia dijangka meningkat berikutan satu lagi daerah dilanda banjir.

Menurut kenyataan itu, daerah Membakut mengalami banjir 3 petang tadi melibatkan lima buah kampung yang terjejas.

"Kini proses pemindahan mangsa ke PPS Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Membakut," menurut kenyataan itu.

Sebanyak 430 orang (137 keluarga ditempatkan di tiga di PPS Beaufort, 278 orang (71 keluarga) di dua PPS daerah Kinabatangan dan 13 orang daripada empat keluarga di Tambunan, menurut kenyataan itu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	STUDENT CLAIMS HARASSMENT BY COP		
HARI :	AHAD	AKHBAR :	NEW SUNDAY TIMES
TARIKH :	9 FEB 2025	M/SURAT :	13
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

DURING STATEMENT RECORDING

STUDENT CLAIMS HARASSMENT BY COP

She has lodged a report and an investigation is underway, says police chief

KALBANA PERIMBANAYAGAM
KUALA LUMPUR
kalbana@nst.com.my

POLICE have confirmed receiving a report from a student activist who alleged sexual harassment by a Wangsa Maju policeman while having her statement recorded over a recent public gathering.

Kuala Lumpur police chief

Datuk Rusdi Mohd Isa said the activist had lodged a report at the Dang Wangi district police headquarters.

"I confirm that a police report has been made and an investigation is being carried out to confirm the veracity of the claim," he said in a statement.

Rusdi said the incident allegedly happened when the victim was at the police station to have her statement recorded over her par-

ticipation in a Palestine Solidarity gathering.

"She was called to assist an investigation under the Peaceful Assembly Act 2012."

The incident gained public attention after Muda secretary-general Amir Abdul Hadi shared the police report on his X account.

According to the report, the activist claimed that she was intimidated by five or six police officers who questioned her in an investigation room without her lawyer present.

She also claimed that she was asked to go to the restroom accompanied by a plainclothes



Amir Abdul Hadi



Datuk Rusdi Mohd Isa

male investigating officer, who then entered the restroom and instructed her to enter with him.

Details of the case remain sketchy as police have yet to provide more information on the investigation.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : POLIS SAH TERIMA LAPORAN WANITA

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 9 FEB 2025

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

DAKWAAN GANGGUAN SEKSUAL

Polis sah terima laporan wanita

Kuala Lumpur: Polis mengesahkan menerima laporan seorang wanita yang mendakwa menjadi mangsa gangguan seksual anggota polis ketika hadir memberikan keterangan pada Khamis berhubung kes perhimpunan di ibu kota pada 19 Disember tahun lalu.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Rusdi Mohd Isa dalam satu kenyataan semalam berkata, pihaknya menerima laporan itu pada 6 Februari daripada wanita terbabit yang tidak berpuas hati atas tingkah laku anggota polis yang didakwa berlaku terhadapnya.

“Pengadu hadir ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Wangsa Maju untuk diambil keterangan berhubung siasatan kes perhimpunan itu yang disiasat mengikut Seksyen 9 (5) Akta Perhimpunan



Selain pengadu, terdapat lapan individu lain yang diambil keterangan pada hari sama bagi membantu siasatan kes perhimpunan itu”

Rusdi Mohd Isa

Aman 2012.

“Selain pengadu, terdapat lapan individu lain yang diambil keterangan pada hari sama bagi membantu siasatan kes perhimpunan itu,” katanya.

Beliau berkata, kes masih pada peringkat siasatan dan menasihatkan orang ramai tidak membuat sebarang spekulasi yang boleh mengganggu siasatan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bomoh cabul kanak-kanak perempuan disambung reman 6 hari

Rosli Ilham
am@hmetro.com.my



SUSPEK (Kiri) yang merupakan bomoh yang dipercayai mencabul kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun dibawa untuk sambungan reman. FOTO Rosli Ilham

Chukai: Bomoh muda yang dipercayai mencabul seorang kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun pada 31 Januari lalu, disambung reman enam hari lagi.

Lelaki berusia 20 tahun itu dibawa anggota polis ke Mahkamah Sesyen Kemaman di sini, hari ini untuk sambungan reman di hadapan Majistret Sharifah Amirda Shasha Amir Sharifuddin.

Sharifah Amirda Shasha kemudiannya membenarkan tertuduh disambung reman hingga Jumaat ini.

Lelaki itu ditahan polis untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan Seksyen 14 (d) akta sama.

Sebelum ini, media melaporkan suspek ditahan polis pada 1 Februari lalu pada 10.20 malam dan reman selama tujuh hari bermula Ahad minggu lalu.

Ketua Polis Terengganu Datuk Mohd Khairi Khairudin mengesahkan penahanan suspek dibuat selepas ibu bapa kanak-kanak itu membuat laporan polis.

Mangsa yang dipercayai terkena sihir dan keluarga mangsa bersetuju mendapatkan khidmat perubatan sebelum bomoh terbabit ke rumah mangsa untuk berubat pada 1 pagi 31 Januari lalu.

Suspek yang mempunyai rekod lampau berkaitan kes rogol itu disyaki melakukan perbuatan terkutuk itu sebelum mangsa menceritakan perkara itu kepada ibu bapanya.